



IKLAN JAWATAN KUMPULAN PELAKSANA DI MAJLIS DAERAH KUALA KRAI

PENOLONG AKAUNTAN W29

1. a) Jawatan : Penolong Akauntan W29
b) Kementerian/Jabatan : Majlis Daerah Kuala Krai
c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan (W)

2. Jadual Gaji :

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
W29	RM 1,498.00	RM 5678.00	RM 145.00

3. Syarat Lantikan Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

3.1. Warganegara Malaysia;

3.2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

3.3. **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED W29:**

- (i) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Gaji Permulaan : **Gred W29: RM1,510.92**

ATAU

- (ii) Certified Accounting Technician (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan. Gaji Permulaan : **Gred W29: RM1,510.92**

ATAU

- (iii) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Gaji Permulaan : **Gred W29 : RM1,776.08**

ATAU

- (iv) Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Gaji Permulaan : **Gred W29: RM2,001.68**

DAN

3.4 **Syarat Lantikan Tambahan:**

Syarat Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : **TETAP**
5. Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan, menyelia sistem dan operasi berkaitan dengan akaun pembayaran gaji, kutipan hasil, terimaan hasil, klasifikasi hasil, penyelenggaraan buku tunai, daftar deposit, amanah dan penyediaan laporan tahunan Majlis Daerah Kuala Krai.

6. **CARA MEMOHON**

- a. Permohonan hendaklah menggunakan **BORANG MDKK.1** yang boleh didapati di Kaunter Khidmat Pelanggan Majlis Daerah Kuala Krai dengan harga RM 3.00 setiap satu.
- b. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil atau salinan keputusan peperiksaan bagi kelayakan yang disyaratkan, sijil kelahiran, kad pengenalan (depan dan belakang) yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport.
- c. Borang permohonan yang tidak lengkap diisi atau tidak terang, tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan, tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat dan tidak ditandatangani akan ditolak.

7. **ALAMAT PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah sampai kepada :-

YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KUALA KRAI
JKR 60, JALAN SULTAN YAHYA PETRA
18000 KUALA KRAI, KELANTAN.

Bertarikh : 15 Ogos 2018

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : **30 OGOS 2018**